




PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 3, 21 DAN 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>



Ruj. Kami : PTG/STRATA/03/PEN-PELBAGAI (32)
Tarikh : 22 Disember 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENGGUNAAN SISTEM PERKHIDMATAN TANAH SETEMPAT DALAM TALIAN PULAU PINANG (PgLAND)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membangunkan Sistem Perkhidmatan Tanah Setempat Dalam Talian Pulau Pinang (PgLAND) yang bertujuan untuk memudahkan orang ramai melaksanakan urusan berkaitan tanah di Pejabat Tanah dan Galian dan Pejabat-Pejabat Tanah Pulau Pinang.

3. Pemakaian sistem ini akan dilaksanakan secara berperingkat seperti jadual berikut:-

MODUL URUSAN	TARIKH MULA
Carian Persendirian, Carian Rasmi dan Cukai Tanah/Petak	3 Januari 2023
Perserahan dan kutipan dokumen melalui kaunter	Februari 2023
Perserahan dan kutipan dokumen melalui kiosk/peti kutipan pintar (PTG sahaja)	Mac 2023

...2/-

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH

Ruj. Kami : PTG/STRATA/03/PEN-PELBAGAI (32)

Tarikh : 22 Disember 2022

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/tuan/puan boleh mengakses sistem tersebut melalui pautan <https://pgland.penang.gov.my> bermula Januari 2023. Untuk maklumat lanjut, YBhg. Dato'/tuan/puan boleh juga merujuk manual pengguna yang terdapat pada pautan tersebut. YBhg. Dato'/tuan/puan dimohon untuk menguar-uarkan penggunaan sistem PgLAND ini kepada semua firma guaman di bawah negeri masing-masing.

5. Segala perhatian pihak YBhg. Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(SYAZMIN BIN BAHAROM SHAH)

Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)

Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang

Edaran Dalaman: YBhg. Dato' Pengarah Tanah dan Galian
Timbalan Pengarah (Pembangunan)